

24 NOV 1999

Mahathir-PAS

DR MAHATHIR DEDAH CUBAAN PAS BOHONGI RAKYAT

PETALING JAYA, 24 November (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendedahkan usaha PAS membuat fitnah dan membohongi rakyat dengan mengedarkan satu surat yang kononnya ditulis oleh beliau yang membenarkan penempatan tentera Amerika Syarikat di Malaysia dan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel.

Perdana Menteri menyifatkan percubaan membohongi rakyat dan memfitnah itu sebagai satu fitnah besar terhadap dirinya dan kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi mendapatkan sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum Isnin ini.

"Hari ini saya dapat satu lagi percubaan membohongi dan memfitnah bahawa kononnya saya telah menulis surat kepada Perdana Menteri Israel berjanji untuk membenarkan tentera Amerika ditempatkan di Malaysia dan berjanji mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel," katanya semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Rakyat Bersama Perdana Menteri di Bandar Sunway di sini.

Lebih 10,000 rakyat pelbagai lapisan menghadiri majlis itu termasuk calon-calon BN Selangor termasuk Tan Sri K.S.Nijhar bagi Parlimen Subang, calon BN Selayang Datuk Chan Kong Choy dan calon BN Shah Alam Datuk Mohamed Mohd Zin. Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar.

Dr Mahathir berharap rakyat tidak terperanjat dengan pengedaran surat sedemikian.

Perdana Menteri berkata beliau percaya surat itu akan dapat dibaca oleh orang ramai dalam sedikit masa lagi. Surat itu bertarikh 16 Ogos 1999.

Dr Mahathir, yang menafikan surat itu ditulis oleh beliau, berkata surat itu mempunyai logo Kerajaan Persekutuan dan menggunakan alamat Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Menurutnya tandatangan yang terdapat di dalam surat itu bukan tandatangan beliau dan bahasa Inggeris yang digunakan adalah tidak seperti yang ditulis oleh kerajaan.

Dr Mahathir meminta rakyat tidak mempercayai pembohongan itu kerana ia hanya helah pembangkang untuk mendapatkan sokongan rakyat pada pilihan raya ini.

Semasa berucap, Dr Mahathir turut menunjukkan contoh surat itu sambil membacakan isi kandungannya yang antara lain menyebut penggunaan alamat dan nama Perdana Menteri Israel, perkataan "The Honourable" dan perkataan "On behalf of Umno and National Front" serta di bawah bahagian tandatangan tertulis nama Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata kebiasaannya, surat-surat rasmi kerajaan yang ditulis olehnya tidak menyebut nama Perdana Menteri yang ditujukan surat itu atau alamatnya dan menggunakan perkataan "Your Excellency" dan "Bagi Pihak Kerajaan", dan bukannya Umno atau BN atau nama penuh beliau, Mahathir bin Mohamad.

Perdana Menteri berkata pengedaran surat itu hanya menunjukkan satu lagi kebodohan PAS untuk membohongi rakyat dan menyebarkan fitnah khususnya kepada beliau dan kerajaan.

"Wahai PAS, tolonglah belajar bagaimana kita tulis surat rasmi, kalau awak begitu bodoh, janganlah cuba berbohong," katanya.

Dr Mahathir yang berucap selama sejam berkata BN akan terus menggunakan iklan-iklan yang menunjukkan gambar rusuhan bagi mengingatkan rakyat mengenai rusuhan yang berlaku sebelum ini, yang turut didalangi oleh pembangkang.

"Kita tidak nafi (gunakan iklan tunjuk rusuhan), kita hendak rakyat ingat bahawa rusuhan itu hanya merosakan ekonomi dan keamanan. BN akan terus tunjuk gambar yang itu kerana mereka (pembangkang) yang cetuskan huru-hara dan tidak berhak perintah negara ini," katanya.

Dr Mahathir melahirkan rasa hairannya kerana pembangkang membuat aduan polis sebagai tanda protes terhadap BN yang menggunakan iklan berkenaan, sedangkan sebelum ini semasa peristiwa rusuhan itu mendapat liputan meluas daripada media asing, parti pembangkang langsung tidak membantahnya.

Katanya pembangkang yang sebelum ini mengutuk pasukan polis kerana kononnya mereka kejam, kini memerlukan khidmat polis untuk menegakkan undang-undang kerana mendakwa kerajaan BN menakut-nakutkan rakyat menerusi penggunaan iklan-iklan berkenaan.

Beliau berkata apa yang dilakukan BN adalah untuk membina keamanan dan menyatupadukan rakyat supaya dapat hidup aman damai dan tenteram serta menikmati kemajuan ekonomi dan meneruskan pembangunan negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN sentiasa berpegang teguh dengan amalan demokrasi dan kerana itu apabila sampai waktunya dalam tempoh lima tahun, pilihan raya umum akan diadakan supaya rakyat dapat menentukan siapa yang akan memerintah negara.

"Kita percaya Malaysia akan tetap ada pilihan raya. Kita (kerajaan BN) tidak pernah cuba tidak jalankan pilihan raya dan kerajaan akan kuat apabila mendapat majoriti dua pertiga," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun banyak negara lain mengamalkan demokrasi tetapi apabila ia terlalu kuat, akan timbul keinginan untuk menggunakan kuasa-kuasa tertentu seperti darurat untuk tidak mengadakan pilihan raya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN tidak takut untuk memulangkan kuasa kepada rakyat kerana ia telah membuktikan dapat mengurus dan mentadbir negara dengan cekap.

Beliau berkata krisis ekonomi yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit dan banyak syarikat mengalami kerugian telah dapat diatasi oleh kerajaan dengan kaedah tersendiri tanpa perlu mendapatkan bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Kerajaan BN tidak akan berhenti setakat itu sahaja, tetapi akan teruskan pelbagai usaha dan langkah untuk memajukan ekonomi negara," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir diperkenalkan kepada calon-calon BN Selangor yang bertanding pada pilihan raya umum ini oleh Abu Hassan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Abu Hassan Datin Seri Wan Noor.

-- BERNAMA

HS NAK